

# Mohd Sofi Pengerusi Lembaga Pengarah UMS baharu

DE 6.10.2018 3

KOTA KINABALU: Datuk Dr Mohd Sofi Osman di lantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) baharu, berkuat kuasa pada 1 Oktober tahun ini hingga 30 September 2021.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, berkata bekas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu menggantikan Tun Datuk Seri Zaki Tun Azmi yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

Katanya Dr Mohd Sofi mempunyai Sarjana Muda dalam Kejuruteraan daripada Strathclyde University, Scotland, dan mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor industri serta aktif dalam bidang pembelajaran kerjasama institusi-industri.

Beliau kini Pengarah Pengurusan merangkap Timbalan Presiden Altera Corporation (M) Sdn Bhd, kata Dr Kamarudin, dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Dr Mohd Sofi juga merupakan ahli Lembaga Pengarah MIMOS Semi Conductor (M) Sdn Bhd, katanya.

Dr Kamarudin berkata Lembaga Pengarah UMS juga menerima ahli baharu iaitu Datuk Haji Hashim Paijan (Setiausaha Negeri), Datin Paduka Siti Hamisah Tapsir (Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan), Datuk Vincent Pung Yee Kiong, (Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Credit Corporation), Datuk Dr Christina Rundi (Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri) dan Asgari Mohd Fuad

Stephens (Intelligent Capital Sdn Bhd).

Katanya warga UMS mengucapkan tahniah kepada Dr Mohd Sofi dan ahli Lembaga Pengarah baharu atas pelantikan dan yakin bahawa mereka semua mampu memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan untuk universiti bagi meneruskan kecemerlangan dan peringkat negara dan kebangsaan.

Warga UMS juga berterima kasih dan menghargai sumbangan dan perkhidmatan oleh Zaki dan bekas ahli Lembaga Pengarah iaitu Tan Sri Sukarti Wakiman, Datuk Pengiran Haji Mohd Hussein Datuk Pengiran Haji Mohd Tahir Nasruddin, Datuk Professor Dr Rujhan Mustafa dan Datuk John Maluda.